TAJUK : KEDAULATAN NEGARA
LATIHAN ULANGKAJI SEJARAH TINGKATAN 5 (BAB 1)

SOALAN 1-10

1 (4) Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan negara bangsa negara kita.

- Kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957
- Pembentukan Malaysia 1963

Apakah konsep yang boleh dikaitkan dengan pembentukan tersebut?

A Kedaulatan C Kesungguhan
B Kewibawaan D Kesamarataan

2 (4) Apakah asas yang menunjukkan Malaysia sebuah negara yang berdaulat?

A Mempunyai hak mentadbir negara
B Mengiktiraf kedudukan orang Melayu
C Mengekalkan kerjasama antara kaum
D Memajukan dasar pendidikan kebangsaan

3 (4) Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Melayu?

A Kebebasan negara
B Kuasa kerajaan
C Keagungan pemimpin
D Kuasa tertinggi negara

4 (5) Tokoh berikut mentafsirkan kedaulatan sesebuah negara berasaskan kekuatan semangat.



Ibnu Khaldun

Apakah kekuatan semangat tersebut?

I Semangat berpolitik
II Semangat perpaduan
III Semangat beragama
IV Semangat kekitaan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

5 (6) Bagaimanakah jenis kedaulatan sesebuah negara ditentukan?

A Rumpun bahasa
B Etnik kerakyatan
C Sempadan negeri
D Bentuk pemerintahan

6 (6) Bagaimanakah kedudukan raja ditentukan mengikut kedaulatan tradisional?

A Kesetiaan rakyat
B Kestabilan politik
C Kekuatan ketenteraan
D Keunggulan perlembagaan

7 (6) Kedaulatan negara kita adalah berlandaskan jenis kedaulatan tradisonal.
Apakah bukti untuk menyokong pernyataan tersebut?

A Kerjasama
B Kekuasaan Raja-raja Melayu
C Kecemerlangan sosioekonomi
D Keupayaan menentang penjajahan

8 (6) Apakah tunjang utama kedaulatan moden?

I Hak rakyat
II Ketua pemerintahan
III Pembangunan lahiriah
IV Kerajaan berperlembagaan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9 (7) Pernyataan berikut merujuk kepada jenis kedaulatan bagi sesebuah negara.

- Menjamin keadilan bermasyarakat
- Mengukuhkan kestabilan dan kemakmuran negara

Apakah jenis kedaulatan tersebut?

A Kedaulatan moden
B Kedaulatan tradisional
C Kedaulatan antarabangsa
D Kedaulatan undang-undang

10 (7) Negara berdaulat perlu mendapat pengiktirafan supaya tidak dicabuli oleh negara lain.
Apakah pertubuhan yang memberi pengiktirafan tersebut?

A OIC
B PBB
C NAM
D Komanwel

CIKGU SHIDA, MES

LIVEWORKSHEETS